



## SIARAN AKHBAR

### LANJUTAN MASA BAGI PENGGUNAAN SEMENTARA JAMBATAN PENGHUBUNG DAERAH BRUNEI DAN MUARA DAN DAERAH TEMBURONG

**Hari Sabtu, 29 Ramadhan 1441h bersamaan 23 Mei 2020**

***Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera***

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sukcita memaklumkan dan mengambilkira keadaan penularan Covid-19 yang terkawal serta mengikut nasihat Kementerian Kesihatan, sukcita memaklumkan bahawa masa untuk menggunakan Jambatan Penghubung Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong adalah dilanjutkan dari **6 pagi hingga 10 malam** setiap hari bermula esok, hari Ahad, 24 Mei 2020.

Pada masa ini, pemasangan CCTV telah mula beroperasi di sepanjang Jambatan berkenaan bagi memantau keadaan di sekitar secara berterusan selama 24 jam sehari. Dengan itu, Jawatankuasa Pengurusan Jambatan Temburong ingin mengingatkan orang ramai untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan antaranya seperti berikut: -

- a. Orang ramai tidak dibenarkan berhenti di atas Jambatan atas sebab yang tidak munasabah seperti membuang sampah.
- b. Orang ramai dinasihatkan bagi sama-sama menjalankan tanggungjawab sosial dengan memandu secara berhemah dan cermat semasa menggunakan Jambatan tersebut serta mematuhi peraturan-peraturan di bawah Akta Lalulintas Jalan Raya (Penggal 68) demi untuk sama-sama menjalankan tanggungjawab menjaga keselamatan dan kesejahteraan orang ramai dan pengguna jalan raya yang lain.
- c. Pengguna boleh menghubungi *Operation Centre* melalui talian Darussalam 123 buat sementara ini jika ada kecemasan.



Pihak berkuasa termasuk Pihak Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jawatankuasa Pengurusan Jambatan Temburong sentiasa membuat rondaan dan jika didapati pengguna yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan, tindakan undang-undang akan diambil.

Kerjasama dari orang ramai adalah diharapkan demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan raya semasa menggunakan Jambatan ini.

Bagi sebarang pertanyaan orang ramai bolehlah menghubungi talian Darussalam 123 atau pihak *Bridge Maintenance Office* melalui email [pro@pwd.gov.bn](mailto:pro@pwd.gov.bn)

Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam